

NO. SOALAN 34

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 8 APRIL 2014

**SOALAN :**

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta PERDANA MENTERI menyatakan pemantauan oleh pihak nasional terhadap caranya Jabatan Agama Negeri sedang mengendalikan permohonan membetulkan taraf keagamaan individu yang mengadu pencatatan agama Islam di sijil kelahiran atau kad pengenalan mereka tidak benar.

**JAWAPAN :** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli yang Berhormat sedia maklum, berkaitan dengan kesilapan status agama mana-mana rakyat Malaysia yang mana direkodkan sebagai seorang Islam di dalam kad pengenalan atau sijil

lahir, pihak tersebut boleh terus mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah di negeri mereka tinggal untuk menukar status agama kepada agama sebenar yang dianutinya.

Dalam hal ini, pihak agensi agama khususnya Mahkamah Syariah tidak dapat mengetahui kesilapan tersebut melainkan individu yang berkenaan sahaja tampil untuk memperbetulkan status sebenar agamanya.

Sekian, terima kasih.